

11 SEP 2003

OIC-Sains

MALAYSIA ANTARA HANYA TIGA NEGARA ISLAM UTAMAKAN SAINS DAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Malaysia adalah antara hanya tiga negara Islam yang benar-benar mengambil langkah memajukan bidang sains dan teknologi sedangkan yang lainnya membelanjakan kurang daripada 0.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar untuk tujuan itu.

Naib Presiden Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Salleh Mohd Nor berkata berdasarkan maklumat dan statistik yang ada, negara-negara Arab membelanjakan hanya 0.4 peratus daripada KDNK mereka untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi berbanding Cuba (1.26 peratus), Israel (2.3 peratus) dan Jepun (2.6 peratus).

"Ini menunjukkan negara-negara Islam terkebelakang dalam R&D," katanya pada sidang media di sini.

Dr Salleh berkata mengikut satu laporan Bangsa-bangsa Bersatu, hanya Malaysia, Turki dan Indonesia di kalangan negara-negara Islam yang menitikberatkan bidang sains dan teknologi.

Namun, katanya, walaupun Malaysia tergolong dalam kategori negara yang mengutamakan bidang itu, bilangan saintis untuk setiap 10,000 penduduk di negara ini masih rendah iaitu 15 bagi setiap 10,000 penduduk.

Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan jumlah itu kepada 60 bagi setiap 10,000 penduduk menjelang tahun 2010 melalui Dasar Sains Teknologi Dua, bagi mendorong dan meningkatkan pembangunan sains dan teknologi negara ini pada masa akan datang, katanya.

Beliau berkata berdasarkan maklumat dan kedudukan negara-negara Islam pada masa ini, dalam kedua-dua bidang itu, Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan persidangan mengenai Sains dan Teknologi sempena dengan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya pada bulan depan.

"Kita akan membincangkan mengenai kemunduran negara-negara OIC dalam bidang sains dan teknologi, dan perlunya mereka bekerjasama dalam kedua-dua bidang," katanya.

Dr Salleh berkata persidangan akan membincangkan dasar sains dan teknologi di negara Islam dan faktor-faktor yang menyebabkan mereka mundur dalam kedua-dua bidang itu selain merangka strategi bagi meningkatkan peruntukan KDNK untuk tujuan berkenaan.

Hasil daripada persidangan dari 7 hingga 10 Okt ini akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dibentangkan dalam persidangan OIC nanti, katanya.

-- BERNAMA

AT AZZ MAI